

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG:
NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920/ 019-3371066

KUALA LANGAT / SEPANG

'Mesti berpakat tawan Putrajaya'

Amanah masih ada masa sedarkan rakyat, tarik lebih ramai ahli sertai parti itu

BANDARSUNGAIEMAS
- Gerak kerja Parti Amanah Negara (Amanah) perlu dipergiatkan dalam usaha menarik lebih ramai ahli.

Presiden Amanah, Mohamad Sabu berkata, Amanah masih mempunyai masa memberi kesedaran kepada rakyat untuk bersama parti itu.

Menurutnya, kekuatan Amanah di negeri ini menjadi penentu kemaraan ke Putrajaya.

"Untuk jadikan Amanah parti yang kuat, calon kita di Selangor perlu menang... dengan kata lain, kita mesti berpakat untuk tawan Putrajaya.

"Pada masa sama, kita dekati rakyat dengan pelbagai isu yang boleh memberi impak. Sekarang pun kita tengok rakyat dah faham...

pelbagai masalah timbul disebabkan kepimpinan tidak bertanggungjawab," katanya pada Majlis Makan Malam Amal Parti Amanah Negara Kawasan Kuala Langat di Dewan Aim Point, Bandar Sungai Emas.

Hadir sama, Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Pengerusi DAP Selangor, Tony Pua dan Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli.

Sementara itu, Ketua Amanah Kawasan Kuala Langat, Hasnul Baharudin berkata, tanggapan masyarakat terhadap kewujudan Amanah perlu diperbetulkan.

"Kita nak tangkis tanggapan yang Amanah ni wujud sebab masalah dalaman, apa yang lebih penting parti ini wujud sebagai perjuangan asas



HASNUL

untuk rakyat.

"Kita nak tengok rakyat di Kuala Langat terbuka mata dan minda, selain nak merasai kesusahan mereka untuk disuarakan kepada kepimpinan supaya berubah," katanya.

Menurutnya, gerakan pakatan ini juga bertujuan mengajak semua lapisan masyarakat lebih prihatin terhadap



Mohamad Sabu turut menyampaikan hadiah cabutan bertuah berupa baucar penginapan ke Pulau Pangkor kepada penerimanya sambil diperhatikan Hasnul.

isu yang sedang dihadapi.

"Isu cukai barang dan perkhidmatan (GST) menjadi topik utama pada masa ini... kebanyakan rakyat ambil peduli pasal GST.

"Kita berjaya kumpulkan kira-kira 1,000 penyumbang, dermawan dan urus setia dalam majlis ini untuk bersama ahli politik, selain mendengar amanat mengenai pelbagai isu

semasa yang perlu diberikan perhatian," katanya.

Difahamkan, sebanyak RM2,260 dapat dikumpulkan dalam kutipan amal berkenaan.

Sikap penting diri punca nahas

BANTING - Dua laluan utama yang menjadi tumpuan iaitu Banting-Dengkil dan Banting-Jugra antara jalan yang sering berlaku kemalangan.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Zailan Tasir berkata, beberapa kawasan jalan raya yang dinaik taraf dapat mengurangkan risiko kemalangan.

"Saya faham sebelum ini laluan agak sempit dan banyak kenderaan lalu di kawasan tu. Secara tak langsung menyebabkan risiko kemalangan meningkat.

"Tapi, itu bukan alasan untuk tak nak patuh pada peraturan jalan raya. Kita nak tengok, kalau jalan-jalan ni dibaiki atau dinaikkan taraf, pengguna nak amal pemanduan berhemah atau tak," katanya mengulas mengenai laluan Banting-Dengkil yang sering berlaku kemalangan.

Menurutnya, kemalangan juga boleh berlaku disebabkan kelekakan pemanduan apabila pengguna jalan raya tidak menyedari mereka memandu dalam keadaan berbahaya.



ZAILAN

"Kita sedar, kadang-kadang kemalangan berpunca daripada pemandu lain, apa pun setiap pengguna jalan raya perlu berhemah.

"Sikap pemandu yang pentingkan diri sendiri perlu diubah demi keselamatan orang ramai.

"Ini tak, dah la bawa kenderaan laju... kemudian tak fikir keselamatan orang lain, macam jalan tu mereka punya," katanya.

Beliau berkata, pemantauan dan rondaan berterusan perlu digiatkan dalam memastikan pengguna jalan raya di kawasan itu mematuhi peraturan ditetapkan.

Permohonan tapak bazar Ramadan dibuka

KUALALANGAT - Pemohon bazar Ramadan Banting 2016 dikehendaki hadir ke lobi pejabat Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Jumaat ini, bagi mendapatkan borang.

Mereka yang berminat dikehendaki

membawa bersama kad pengenalan untuk pendaftaran yang bermula jam 8 pagi hingga 5 petang.

Setiap seorang terhad untuk satu borang dengan satu petak tapak dan tidak dibenarkan mewakili orang lain.

Pemohon mestilah warganegara yang menetap dalam daerah Kuala Langat.

Maklumat lanjut hubungi Bahagian Pelesenan MDKL di 03-31872825/2732 atau www.mdkl.gov.my.